



Pengetahuan Pekerja Wanita Mengenai Keganasan Terhadap Wanita di Tempat Awam

Awareness of Female Employees Towards Violence Against Women in Public Places

Keganasan Terhadap Wanita

22

SUHAILA SHARIL (Corresponding Author),
MOHAMED FAIROOZ MOHAMED FATHILLAH,
MUHAMMAD YOSEF NITEH,
MAAD AHMAD & MUKHAMAD KHAFIZ ABDUL BASIR
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor

suhaila.sharil@kuis.edu.my, mfairooz@kuis.edu.my
myosef@kuis.edu.my, maad@kuis.edu.my,
mukhamadkhafiz@kuis.edu.my

Submitted: 26 April 2018
Revised: 18 September 2018
Accepted: 4 October 2018
E-Published: 29 October 2018

ABSTRAK

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan 35% daripada semua wanita akan mengalami keganasan. Kajian tersebut menyatakan keganasan terhadap wanita bukan isu remeh dan kecil yang hanya berlaku kepada sebilangan kawasan komuniti namun ia adalah isu global yang menjadi semakin berleluasa dan memerlukan tindakan segera untuk menanganinya. Berdasarkan kepada *Handbook for National Action Plans on Violence Against Women* terbitan UN Women pada 2012, kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut dan kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Justeru itu, kajian ini mengkaji pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam dan seterusnya menganalisis nilai min tertinggi bagi tahap pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. Kajian kuantitatif secara lapangan ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey research*) melalui instrumen soal selidik dan diedar secara *purposive sample* kepada 62 pekerja wanita yang mengikuti kursus di Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti Jabatan Akauntan Negara (BPAS JAN). Data dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for The Social Sciences (SPSS)* versi ke-20. Hasil kajian mendapati 75% pekerja wanita BPAS JAN mengetahui dan memahami mengenai isu keganasan terhadap wanita di tempat awam. Nilai min tertinggi diperolehi sebanyak 4.7 bagi pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita merupakan satu jenayah, mangsa keganasan wanita berhak mendapat pemantauan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, balai polis, mahkamah dan doktor perubatan, setiap mangsa keganasan wanita wajar dilindungi oleh akta keganasan dan menjaga aurat wanita secara sempurna mampu mengelak daripada gangguan seksual ke atas wanita.

Kata Kunci: Pengetahuan, Pekerja Wanita, Keganasan, Wanita, Tempat Awam





ABSTRACT

The World Health Organization (WHO) reported that 35% of all women would experience violence. The study shows that violence against women is serious issue that not only occurs in certain communities, but also happens all over the world. This global issue becomes increasingly prevalent and requires immediate action. Based on the UN Women's Handbook for National Action Plans on Violence Against Women published in 2012, that most of the violence against women were committed by someone known to them and most cases are not reported due to internal problems or personal problems. Hence, this study will outline the understanding of female employees on violence against women in public places and then analyze the highest mean value for female employees' level of understanding of violence against women in public places. This field-based quantitative study used survey research and applied purposive sampling by distributing questionnaire to 62 female employees who attended the course at the Trust and Security Management Division of the Department of Accountants (BPAS JAN). The data is descriptively analyzed using the 20th edition of Statistical Package for The Social Sciences (SPSS). The findings show that 75% of female employees of BPAS JAN know and understand the issue of violence against women in public places. The highest mean value is 4.7 obtained for female employees' knowledge of violence against women is a crime, victims of violence against women are entitled to monitoring from Social Welfare Department, police station, court and medical doctors, every victim of female violence should be protected by acts of violence and proper covering of the *aurat* is capable of avoiding sexual harassment on women.

Keyword: Awareness, Female Employees, Violence, Women, Public Places,

PENGENALAN

Keganasan terhadap wanita boleh diertikan sebagai apa-apa tindakan keganasan yang berdasarkan gender yang mengakibatkan kecederaan fizikal, seks atau psikologi atau mengakibatkan penderitaan kepada wanita. Tindakan ini juga meliputi ugutan untuk melakukan perkara tersebut, paksaan atau perbuatan menyekat kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan persendirian atau awam (Cronwell & Burgess, 1996). Keganasan ditakrifkan sebagai satu penganiyaan fizikal, mental, lisan, seksual dan fizikal (Roslee 1994) yang mengakibatkan kesan, kerosakan, atau penderitaan fizikal (Nor Ezanawaty 2004). Dalam kata lain, keganasan juga dimaksudkan dengan perbuatan zalim yang bertujuan untuk menyakiti mangsa dan penderaan yang dikenakan ke atas mangsa (Nazirah 2004). Namun, Sherril (1997) menyatakan bahawa keganasan adalah satu bentuk kelakuan, tabiat kasar yang dilakukan oleh seseorang dengan melampaui batas tanpa perasaan belas kasihan dengan niat menguasai, mempengaruhi, dan memaksa wanita.

Secara konsepnya menurut Rabihah (2009), Maizatul Akmam et.al (2008) dan Shaiful Azli (2010) keganasan boleh disamakan dengan penganiyaan yang dilakukan dalam lima bentuk iaitu penderaan fizikal, psikologi, emosi, sosial, seksual dan kewangan. Keganasan fizikal merangkumi semua tingkahlaku agresif yang dilakukan terhadap



wanita ke atas tubuh badannya seperti memaksa, mencekik, menggigit, menendang, menarik rambut, membakar, menyiram asid atau air panas manakala keganasan seksual pula melibatkan serangan fizikal ke atas buah dada atau alat kelamin wanita di samping dipaksa melakukan hubungan seks serta ancaman yang menjatuhkan maruah diri. Keganasan secara psikologi adalah dengan mengawal perasaan atau mental mangsa contohnya ejekan, ugutan, dan ancaman yang berterusan. Takrif ini sesuai dengan definisi Kamus Dewan (1998) yang menyentuh tentang keganasan iaitu penggunaan kuasa sewenang-wenangnya tanpa menghiraukan undang-undang dengan menakutkan-nakutkan dan memaksa mangsa.

Tindakan-tindakan keganasan yang lain terhadap wanita juga termasuk pelanggaran hak-hak kemanusiaan wanita terutamanya pembunuhan, perogolan terancang, perhambaan seks dan penghamilan tanpa kerelaan. Tindakan tersebut juga merangkumi keganasan bagi tujuan politik (*terrorism*), pemandulan dan keguguran tanpa rela, paksaan dalam menggunakan alat-alat atau ubat mencegah kehamilan dan pembunuhan fetus atau kanak-kanak perempuan. Panggilan telefon lucu dan berunsur ugutan juga dicadangkan sebagai sebahagian dari gangguan terhadap wanita yang boleh membawa kepada penderaan psikologi, terutamanya jika panggilan itu dibuat oleh bekas suami atau kekasih (Bradby 1998).

LITERATUR KAJIAN

Keganasan terhadap wanita di negara ini, membuka mata banyak pihak untuk turut sama-sama menangani isu ini contohnya kes mencabul, merogol, keganasan rumah tangga, memperdagang wanita dan sebagainya yang memberikan impak besar kepada sosio serta ekonomi negara. Dr. Muzaffar Syah Mallow (2016) mengupas dalam Berita Harian mengenai isu keganasan terhadap wanita perlu dipandang serius dengan mengambil pelbagai langkah sebagai usaha mencegah dan mengatasi masalah ini termasuklah penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan program kesedaran serta pengukuhan institusi kekeluargaan itu sendiri. Justeru, bagi mewujudkan dan meningkatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai kepentingan serta peranan semua pihak dalam menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita, program *Mock Trial* iaitu pementasan mahkamah olok-olok diadakan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di Bandar Baru Nilai. Penyelaras program dan juga Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Dr. Muzaffar Syah Mallow menyatakan program tahunan itu adalah kali ketiga diadakan sejak tahun 2011. Program ini bertujuan untuk menyuntik kesedaran dalam kalangan masyarakat dan menggesa semua pihak untuk peka terhadap isu keganasan terhadap wanita.

Sebanyak 57,519 kes keganasan terhadap wanita dilaporkan sejak 2010 hingga Mac 2017 berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM). Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Chew Mei Fun berkata jumlah tersebut merangkumi bilangan kes keganasan rumah tangga dan kes-kes jenayah di bawah Kanun Keseksaan yang melibatkan wanita sebagai mangsa seperti kes mencabul kehormatan, sumbang mahram, rogol dan kesalahan luar tabii. Sebanyak



23,212 kes (40 peratus) merupakan kes keganasan rumah tangga yang melibatkan wanita sebagai mangsa (Bernama 2017).

Di Malaysia, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia sehingga 2014, sebanyak 2,874 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Bagi tempoh yang sama, purata kes keganasan rumah tangga yang mangsanya adalah wanita adalah sebanyak 3,103 kes setahun (Hentikan! Keganasan Terhadap Wanita 2015). Berdasarkan perangkaan Polis Diraja Malaysia, secara puratanya setiap hari enam wanita di Negara ini menjadi mangsa rogol. Statistik juga menunjukkan pada tahun 2007 hingga Februari 2017, sebanyak 18,124 kes keganasan rumah tangga dilaporkan. Berikut diperincikan jadual kes keganasan rumah tangga.

Jadual 1: Kes Keganasan Rumah Tangga

Tahun	Kes Keganasan Rumah Tangga
2014	2874
2013	4123
2012	3488
2011	3277
2010	3173
2009	3643
2008	3769
2007	3756

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2015)

Keganasan terhadap wanita bukan sahaja merupakan satu bentuk pencabulan ke atas hak asasi manusia malah ia juga boleh dikategorikan sebagai satu jenayah. Dengan jumlah yang semakin meningkat ketika ini, usaha untuk menghentikan keganasan terhadap wanita mendapat banyak sokongan tetapi jelas sekali ia masih belum mencukupi. Mengikut rekod, sejak 1994, polis menerima lebih 3,000 laporan keganasan rumah tangga di seluruh negara setiap tahun. Malah, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), menunjukkan Januari hingga Julai 2011, sebanyak 1,926 laporan diterima mengenai keganasan domestik manakala rogol sebanyak 1,962 kes.

Kajian Nor Fazlina Abdul Rahim (2013) bertajuk Pegawai Bank Ditembak Kasih Sampai Hujung Nyawa telah menggemparkan masyarakat dengan kes seorang Pegawai AmBank Norazita Abu Talib 37 tahun mati ditembak semasa bertugas di AmBank Subang Jaya oleh seorang pengawal keselamatan. Dalam kejadian jam 6.15 petang, Norazita yang bertugas sebagai pegawai operasi cawangan AmBank di Subang Jaya maut ditembak dari jarak dekat dan terkulai di hadapan pintu bilik kebal bank berkenaan selepas terkena tembakan Pump Gun. Norazita yang ketika itu bertugas bersama dua lagi pegawai lain sedang membuka pintu bilik kebal untuk menyimpan sejumlah wang tunai, namun sikap tidak perikemanusiaan dan nafsu tamak yang menguasai pengawal keselamatan tersebut untuk merompak wang berkenaan menyebabkan Norazita telah ditembak mati.

Kajian di Melaka oleh Fadzly Izab (2013) dalam akhbar Utusan Malaysia bertajuk gadis mati ditikam kekasih mendapati bahawa perkenalan yang berputik selama 10 tahun



menemui kematian setelah lelaki tersebut tergamak membunuh kekasihnya Gong Meng Yee berusia 23 tahun di sebuah bilik. Gong Meng Yee yang bekerja sebagai pekerja kafe siber ditemui mati dengan kesan tikaman di perut malah lelaki tersebut juga bertindak nekad apabila menyesal kerana telah membunuh kekasihnya dengan menikam dirinya sendiri. Hasil pemeriksaan mendapati Gong Meng Yee telah dibunuh dengan pisau Rambo dan lelaki tersebut ditahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh (Fadzly 2013).

Menurut Asyura (2003) majoriti masyarakat Islam di Daerah Tengah Melaka memahami tingkah laku yang dikatakan gangguan seksual dan bersetuju mengenai wanita yang tidak bermoral, rendah akhlaknya, tidak menutup aurat dan seksi sering terdedah kepada gangguan seksual. Ini membuktikan masyarakat Islam dalam kajian ini prihatin, cenderung dan berpengetahuan terhadap gangguan seksual yang berlaku di sekelilingnya.

Dr. Tengku Naufal (2012) menyatakan keganasan terhadap wanita merupakan satu jenayah dan menyenaraikan bentuk keganasan meliputi fizikal, emosi, seksual, sosial dan kewangan. Hasil dapatan kajian 2011 kepustakaan yang dianalisis oleh beliau melalui kes-kes dan akhbar tempatan mendapati terdapat pengurangan kes keganasan di setiap negeri dari tahun ke tahun disebabkan pelbagai pihak membangkitkan kesedaran terhadap wanita akan hak mereka dan membuat bengkel, seminar serta kajian mengenai isu keganasan terhadap wanita. Namun bilangan tertinggi yang menjadi mangsa keganasan adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Perkara ini baginya amatlah menyedihkan dan beliau mengambil inisiatif untuk mewarwarkan seminar-seminar keganasan melalui kerjayanya sebagai peguambela dan peguamcara.

Semua wanita perlu mengetahui bahawa terdapat kod amalan bagi pencegahan dan pembasmian gangguan seksual di tempat kerja. Namun apa yang difahami gangguan seksual adalah bentuk perlakuan yang bercirikan seksual yang tidak diingini atau disenangi melalui perbuatan mahupun perkataan. Akan tetapi dalam undang-undang tiada perkataan gangguan seksual secara spesifik digunakan sepertimana dalam seksyen 509 kanun kesiksaan sebagaimana yang dipersoalkan oleh Noor Aziah (2001) dalam hak wanita di sisi undang-undang di Malaysia. Namun kini, dalam akta 2011, akta keganasan rumah tangga telah diperbaharui dengan memasukkan takrifan dari segi emosi dan mental. Oleh kerana Malaysia adalah Negara ahli konvensyen menangani keganasan terhadap wanita semenjak tahun 1995, tindakan fermetif yang merangkumi aspek pelaksanaan dasar telah diambil oleh kerajaan demi perundangan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kajian lapangan menerusi metod kajian tinjauan dan memerlukan data serta maklumat primer daripada sejumlah sampel yang besar dikumpul melalui soal selidik. Metod ini bertujuan untuk mengenalpasti langkah keselamatan menangani keganasan terhadap wanita di

tempat awam khususnya di Jabatan Akauntan Negara Kuala Lumpur. Kajian menggunakan teknik borang soal selidik. Kaedah soal selidik direka melalui kaedah Dillman's Total Design untuk meningkatkan respon daripada responden yang menjawab soalan (Ahmad Sunawari 2009). Selain itu, kajian kepustakaan turut digunakan untuk mendapatkan hasil dari bahan bercetak seperti jurnal, disertasi, laporan persidangan, buku, majalah, akhbar dan kertas kerja. Kajian ini telah diuji kebolehpercayaan melalui kajian rintis kepada 30 orang pekerja wanita Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) Kuala Lumpur.

DAPATAN KAJIAN / ANALISIS

Kajian ini terlebih dahulu dimulakan dengan kajian rintis agar tahap kebolehpercayaan kajian adalah relevan. Kajian ini memilih 62 responden secara (*purposive sampling*) di mana responden adalah pekerja wanita Jabatan Akauntan Negara yang mengikuti kursus sendiri di Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (selepas ini dinamakan BPAS). Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi ke-20. Hasil kajian mendapati sebanyak 0.724 nilai kebolehpercayaan terhadap pengetahuan menangani keganasan terhadap wanita di tempat awam. Instrumen borang kaji selidik (*close ended*) mengandungi pilihan jawapan berbentuk skala likert diasaskan oleh Rensis Likert mempunyai 5 item (Ahmad Sunawari 2009) iaitu:

Jadual 1: Skala Pengukuran Tahap Penguasaan

	SKALA	MIN
1	Sangat tidak setuju	1.00 - 1.49
2	Tidak setuju	1.50 - 2.49
3	Kurang setuju	2.50 - 3.49
4	Setuju	3.50 - 4.49
5	Sangat setuju	4.50 - 5.0

Sumber: Ahmad Sunawari 2009:62

Item-item soalan dibina berdasarkan *literature review* yang dikumpul hasil daripada rujukan-rujukan bertulis sama ada yang bersifat primer mahupun sekunder seperti penulisan ilmiah, bahan-bahan bercetak, rujukan terdahulu dan terkini.

Keganasan terhadap pekerja wanita adalah satu perkara yang tidak asing lagi di dada akhbar dan media elektronik. Wanita sering menjadi mangsa keganasan sepertimana yang dibimbangi oleh Datuk Michael Chong terhadap kes penyeludupan yang sukar dibanteras (Shahril 2008) contohnya Saliza Ahmad diculik, dirogol, dikurung dan diseludup selama dua tahun ke Singapura serta dijadikan objek perdagangan dan Nor Faizura Azura Md. Lias 28 tahun yang ditahan oleh pihak berkuasa Malta disebabkan menyeludup dadah dan kegiatan wang haram (Siti Aisyah 2008). Kebanyakan mangsa keganasan adalah pekerja wanita seperti Norazita Abu Talib pegawai Am Bank yang ditembak mati oleh pengawal keselamatan (Nor Fazlina 2013). Justeru berdasarkan kajian di BPAS JAN, hasil kajian adalah seperti berikut:

PENEMUAN HASIL TINJAUAN

Latar Belakang Demografi Responden

62 orang pekerja wanita yang mengikuti kursus di BPAS JAN pada tahun 2013 dipilih secara *purposive sampling* bagi menjadi responden kajian ini. Keseluruhan responden berbangsa Melayu dan beragama Islam dengan nilai umur tertinggi 20-24 tahun iaitu sebanyak 37.2% (23 orang). Ini menunjukkan golongan pekerja wanita yang mengikuti kursus di BPAS terdiri dari golongan muda, dan mempunyai banyak tenaga serta berkemahiran sesuai dengan kepakaran mereka. Terdapat 39 responden (62.9%) telah berkahwin dan 25 orang daripadanya mempunyai 1-3 orang anak di mana 28 daripadanya (45.2%) mendapat pendidikan tertinggi peringkat diploma yang memegang jawatan sebagai penolong pegawai dengan tangga gaji puratanya RM 1000-2000. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa tahap pendidikan responden sederhana namun 5 orang (8.1%) telah menjadi mangsa keganasan disebabkan 62.9% (39 orang) mendapat pendidikan agama hanya di sekolah menengah. Taburan demografi dalam item A menunjukkan terdapat mangsa keganasan terhadap wanita dalam kalangan pekerja wanita di BPAS, JAN.

Jadual 2: Taburan Demografi Responden

Latar Belakang	Kekerapan	Peratus%
Bangsa Melayu	62	100
Agama Islam	62	100
Umur		
20- 24 Tahun	23	37.2
25- 29 Tahun	15	24.3
30- 34 Tahun	12	19.4
35- 39 Tahun	5	8.0
40- 44 Tahun	2	3.2
45- 49 Tahun	2	3.2
50- 54 Tahun	3	4.8
Taraf Perkahwinan		
Berkahwin	39	62.9
Bujang	23	37.1
Pendidikan Tertinggi		
Ijazah	11	17.7
Diploma	28	45.2
STPM/STAM	3	4.8
SPM	20	32.3
Pendidikan Agama		
Ijazah	2	3.2
Diploma	15	24.2
Sek Menengah	39	62.9
Sekolah Rendah	5	8.1



Sekolah Pondok	1	1.6
Pendapatan RM		
1000 – 2000	43	69.2
2001 – 3000	14	22.6
3001 – 4000	3	4.8
4000 – 5000	2	3.2
Jumlah Anak		
Belum Berkahwin / Tiada anak	29	46.8
1-3	25	40.3
4-7	8	12.9
Pernah menjadi mangsa		
Ya	5	8.1
Tidak	57	91.9

Pengetahuan Pekerja Wanita Mengenai Keganasan Terhadap Wanita di Tempat Awam

Jadual 3 menunjukkan pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. Terdapat 16 soalan yang dikemukakan bagi mengetahui pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam.

Jadual 3: Pengetahuan Pekerja Wanita Mengenai Keganasan Terhadap Wanita di Tempat Awam

Bil.	Pengetahuan Pekerja Wanita Mengenai Keganasan Terhadap Wanita Di Tempat Awam	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min
1	Keganasan terhadap wanita adalah perlakuan yang keras seperti membunuh, mencederakan orang lain, merompak, dan memukul	-	2 (3.2)	2 (3.2)	17 (27.4)	41 (66.1)	4.56
2	Keganasan terhadap wanita merupakan satu jenayah	-	-	-	13 (21.0)	49 (79.0)	4.79
3	Sebagai warganegara Malaysia mesti bebas daripada sebarang unsur jenayah	-	3 (4.8)	1 (1.6)	13 (21.0)	45 (72.6)	4.61
4	Kebanyakan mangsa keganasan wanita adalah terdiri dari golongan yang telah berkahwin	6 (9.7)	16 (25.8)	8 (12.9)	23 (37.1)	9 (14.5)	3.21
5	Keganasan terhadap wanita boleh diperolehi melalui berita di media	-	1 (1.6)	3 (4.8)	35 (56.5)	23 (37.1)	4.29
6	Setiap mangsa keganasan wanita wajar dilindungi oleh akta keganasan	-	-	-	17 (27.4)	45 (74.2)	4.73



7	Mangsa keganasan wanita berhak mendapat pemantauan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/ Balai Polis/ Mahkamah dan doktor perubatan	-	-	-	16 (25.8)	46 (74.2)	4.74
8	Mangsa keganasan boleh mendapat perlindungan sementara daripada badan-badan yang bertanggungjawab seperti NGO	-	-	1 (1.6)	18 (29.0)	43 (69.4)	4.68
9	Saya perlu berwaspada terhadap kaum lelaki sama ada yang dikenali atau tidak dikenali	-	-	1 (1.6)	22 (35.5)	39 (62.9)	4.60
10	Penjenayah yang melakukan keganasan terhadap wanita adalah orang yang rapat dengan wanita tersebut	1 (1.6)	8 (12.9)	3 (4.8)	35 (56.5)	15 (24.2)	3.89
11	Apabila saya menyaksikan kejadian keganasan terhadap wanita, saya akan mengambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab	-	-	1 (1.6)	29 (46.8)	32 (51.6)	4.50
12	Semua pihak bertanggungjawab perlu memberi kefahaman mengenai isu keganasan wanita kepada masyarakat.	-	1 (1.6)	1 (1.6)	24 (38.7)	36 (58.1)	4.53
13	Menjaga aurat wanita secara sempurna mampu mengelak daripada gangguan seksual ke atas wanita	-	-	-	18 (29.0)	44 (71.0)	4.71
14	Lelaki adalah pelindung kepada wanita	-	1 (1.6)	1 (1.6)	24 (38.7)	36 (58.1)	4.53
15	Mangsa keganasan perlu mengisi borang keizinan daripada doktor perubatan sebelum membenarkan dirinya diperiksa	1 (1.6)	4 (6.5)	4 (6.5)	30 (48.4)	23 (37.1)	4.13
16	Mangsa keganasan wanita perlu menerangkan kepada pihak polis mengenai kejadian sebenar yang berlaku ke atas dirinya	-	-	-	23 (37.1)	39 (62.9)	4.63
	Min Keseluruhan						4.44

Hasil kajian mendapati, responden kurang bersetuju terhadap item 4 iaitu kebanyakan mangsa keganasan terhadap wanita adalah terdiri dari golongan yang telah berkahwin kerana memperoleh nilai min hanya 3.21 sahaja. Bagi item 5, 10, 15, didapati responden bersetuju dengan pernyataan penjenayah yang melakukan keganasan adalah orang yang rapat dengan wanita, mangsa keganasan perlu mengisi borang keizinan daripada doktor perubatan sebelum membenarkan dirinya diperiksa dan keganasan terhadap wanita boleh diperolehi melalui berita di media kerana nilai min ketiga-tiga item adalah di antara 3.89 hingga 4.29. Bagi 12 item selain daripada yang disebutkan di atas didapati nilai item kesemuanya adalah berada di antara min (>4.5) ke atas dan terdapat 4 item tertinggi yang memperoleh nilai min (>4.7) ke atas berkenaan responden sangat menyokong dan bersetuju terhadap pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan di tempat awam. Antara item tersebut ialah item 2 iaitu keganasan terhadap wanita merupakan satu jenayah. Hasil dapatan menunjukkan nilai min pada item ke 2 adalah nilai min tertinggi iaitu 4.79. Sebanyak 74.2% responden masing –masing sedia maklum bahawa mangsa keganasan wanita berhak mendapat pemantauan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dilindungi oleh Akta keganasan. Dapatan kajian juga menunjukkan responden mengetahui bahawa penjagaan aurat wanita secara sempurna mampu mengelak daripada gangguan seksual ke atas wanita dengan nilai min sebanyak 4.71. Justeru, secara kesimpulannya, pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam adalah pada tahap yang amat baik iaitu 75%. Oleh itu, dapatlah dirumuskan kesemua pekerja wanita mengetahui mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. Berikut dipamerkan rajah berkenaan pengetahuan responden mengenai keganasan di tempat awam.

Rajah 1: Pengetahuan Responden Mengenai Keganasan Terhadap Wanita di Tempat Awam



Rajah 1 menunjukkan pengetahuan responden secara keseluruhan terhadap item bahagian B yang mengkaji mengenai pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. Didapati 75% responden sangat bersetuju terhadap 12 item mengenai keganasan terhadap wanita adalah perlakuan yang keras seperti membunuh, mencederakan orang lain, merompak, dan memukul kerana ia merupakan satu jenayah di mana warganegara mestilah bebas daripada sebarang unsur tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Zawannah (2006) dan Shamsiah (2013) yang menyatakan keganasan terhadap wanita merangkumi keganasan fizikal seperti kecederaan terhadap tubuh badan contohnya tampar, tendang, cekik,



diperkosa, dirogol, dicabul kehormatan tanpa kerelaan wanita tersebut. Selain itu, responden juga sangat bersetuju supaya wanita menjadi mangsa dilindungi dengan akta keganasan dan berhak mendapat pemantauan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Balai Polis, Mahkamah dan doktor perubatan serta mendapat perlindungan sementara dari pertubuhan NGO. Pendapat ini juga disokong oleh Sabitha (2005) yang menyatakan pentingnya bantuan dan sokongan daripada NGO kerana keganasan dari sudut seksual sukar dibuktikan di mahkamah.

Atas dasar inilah, responden menyedari bahawa mereka seharusnya berwaspada dengan lelaki sama ada dikenali mahupun tidak dikenali dan mengambil tindakan melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab apabila menyaksikan kes keganasan kerana seharusnya lelaki menjadi pelindung kepada wanita. Dapatan ini disokong dengan kajian Maizatul Akmam et.al (2008) yang menyatakan 75% orang lelaki dewasa yang melakukan keganasan adalah daripada kalangan saudara mara atau orang yang mengenali mangsa. Oleh itu, untuk mengelak daripada menjadi mangsa gangguan seksual, wanita perlu menutup aurat secara sempurna sepertimana yang disarankan oleh Islam. Agama Islam memelihara wanita dari pelbagai segi antaranya Islam telah menghalalkan emas dan sutera dan mengharamkan semua perkara yang dapat mencemarkan kewanitaan (al-Qardawi 2012). Maka, agama Islam telah mewajibkan ke atas wanita beberapa perkara antaranya:

- Merendahkan pandangannya dan menjaga kemuliaannya
- Malu dan menutup pakaian serta perhiasan tetapi tidak dalam bentuk yang menyukarkan.

Firman Allah (s.w.t.)

Maksudnya:

Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.

(Al-Nur, 24:31)

- Tidak menampakkan perhiasan yang tersembunyi
- Hendaklah berhati-hati semasa mengatur langkah dan pertuturannya
- Hendaklah menjauhkan semua perkara yang boleh menarik perhatian lelaki kepadanya serta merangsangnya seperti berhias dengan perhiasan Jahiliyyah dulu dan moden.
- Hendaklah mengelakkan diri dari bersendirian dengan mana-mana lelaki yang bukan suaminya dan bukan lelaki yang diharam berkahwin dengannya.
- Tidak bercampur dengan lelaki asing kecuali kerana keperluan yang mendesak, kemaslahatan yang dibenarkan seperti menuntut ilmu (al-Qardawi 2012).

Fakta ini juga disokong oleh Khalijah (1994) yang menyatakan wanita seharusnya memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh syarak. Responden juga sangat



bersetuju supaya wanita yang menjadi mangsa perlu menerangkan kejadian sebenar yang berlaku ke atas dirinya kepada pihak polis dan semua pihak perlu bertanggungjawab memberi kefahaman mengenai isu keganasan terhadap wanita kepada masyarakat sejajar dengan kajian yang dikemukakan oleh Ahmad Sarji (2008) bahawa masyarakat perlu peka supaya kepekaan sendiri dapat membantu emosi seseorang untuk berubah sepertimana yang dialami oleh mangsa keganasan.

Di samping itu, dapatan kajian dalam Rajah 1 juga menunjukkan 19% responden bersetuju terhadap 3 item antaranya ialah 'mangsa keganasan perlu mengisi borang keizinan daripada doktor perubatan sebelum membenarkan dirinya diperiksa', 'keganasan terhadap wanita boleh diperolehi melalui berita di media' dan 'penjenayah yang melakukan keganasan terhadap wanita adalah orang yang rapat dengan wanita tersebut'. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa responden mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan apabila mereka menjadi mangsa keganasan namun responden tidaklah mengetahui dengan lebih mendalam mengenai hal tersebut. Pernyataan ini juga disokong oleh kajian daripada Aminuddin Ruskam dan Firdaus yang mendapati nilai min diperolehi sebanyak 4.12 terhadap persepsi pelajar di Kolej 9, Universiti Teknologi Malaysia menyatakan hampir setiap hari terdapat berita dalam media tempatan berkaitan kejadian jenayah kekerasan terhadap wanita (Aminuddin 2013). Hasil temubual dengan Pakar Psikologi Hospital Pakar An-Nur (Azlina Roszy 2013) menyatakan bahawa tidak ramai wanita yang tahu mengenai prosedur apabila diri mereka menjadi mangsa sebagai contoh seorang pelajar yang telah dirogol oleh pensyarah IPT pulang ke rumah dan menangis dan membuat keputusan untuk melaporkan kepada pihak polis setelah mandi. Namun bukti tersebut telah hilang kesan daripada pelajar tersebut kerana dia mandi. Perkara ini secara tidak langsung menjadi bukti bahawa majoriti pemangsa adalah terdiri daripada individu yang dikenali sepertimana kajian Nor Shafrin (2006) yang mendapati bapa kandung dan jiran adalah individu yang kerap melakukan keganasan terhadap wanita.

Akhir sekali adalah mengenai 6% responden menyatakan kurang setuju terhadap pernyataan kebanyakan mangsa keganasan wanita adalah terdiri dari golongan yang telah berkahwin. Ini kerana kebanyakan kes yang terjadi di tempat awam seperti kes Canny Ong Lay Kian, Nur Suzaily adalah terdiri daripada individu yang masih bujang dan belum berkahwin (Lian 2006).

PENUTUP

Keganasan terhadap wanita perlu diambil perhatian bagi setiap masyarakat kerana wanita adalah satu komponen yang memainkan peranan penting dalam setiap aspek baik dalam sektor rumah tangga, sektor awam mahupun sektor swasta. Justeru, wanita perlu mengambil tahu dengan membaca, mengkaji, dan mengambil tindakan undang-undang kepada pelaku yang melakukan keganasan ke atas mereka. Walaupun peranan wanita menjadi semakin kompleks kerana hak wanita telah dieksploitasi dengan timbulnya isu keganasan yang semakin bermaharajalela seperti kes Norazita Abu Talib, Noor Suzaily, Canny Ong, Altantuya Shariibuu, Datuk Norjan



Khan Bahadar dan Saliza Ahmad namun pekerja wanita perlu mengambil tahu isu-isu keganasan terutamanya di tempat awam supaya pekerja wanita dapat bertindak sekiranya mereka menjadi mangsa. Hasil kajian mendapati belum ada kajian menjurus mengenai pengetahuan pekerja wanita BPAS JAN mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam. Nilai min tertinggi diperolehi sebanyak 4.7 bagi 4 item tertinggi iaitu keganasan terhadap wanita merupakan satu jenayah di mana setiap mangsa keganasan wanita wajar dilindungi oleh akta keganasan. Bagi mangsa keganasan pula, mereka berhak mendapat pemantauan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dilindungi oleh Akta keganasan dan pekerja wanita juga mengetahui bahawa penjagaan aurat wanita secara sempurna mampu mengelak daripada gangguan seksual ke atas wanita. Justeru, kajian ini menjawab kepada objektif iaitu tahap pengetahuan pekerja wanita mengenai keganasan terhadap wanita di tempat awam adalah amat baik dengan skala 75% dan mereka mampu untuk bertindak sekiranya keganasan tersebut berlaku di tempat awam.

RUJUKAN

al-Quran

Ahmad Sarji Abdul Hamid. 2008. Draf ucapan cabaran-cabaran dalam usaha mengubah pemikiran. Bengkel Ketara Sedar dalam Amalan. Anjuran Pusat Perlindungan dan Latihan Institut Kefahaman Islam Malaysia (PPLI), 15 Julai.

Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Firdaus Binti Ismail. 2010. Persepsi pelajar tentang kejadian jenayah terhadap wanita. eprints.utm.my/11358/1/Persepsi_Pelajar_Tentang_Kejadian_Jenayah_Terhadap_Wanita.pdf, [4 Mei 2013].

Asyura Md. Azmi. 2003. Sikap Masyarakat Islam Terhadap Gangguan Seksual dan Penyelesaiannya dari Perspektif Psikologi Dakwah. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Azlina@Roszy Mohd Ghaffar. 2013. Punca dan langkah menangani keganasan dari perspektif psikologi, Selangor. Temubual, 8 November 2013.

BERNAMA. 2017. Sebanyak 57,519 kes keganasan terhadap wanita dilaporkan sejak 2010. *Astro Awani*. 26 April.

Bradby H. 1998. *Defining Violence: Understanding the Causes and Effects of Violence*. Ashgate Publishing Limited. Aldershot: Avebury.

Cronwell N.A, Burgess A.W. 1996. *Understanding Violence Against Women*. National Research Council. Washington D.C.: National Academy Press



- Fadzly Izab. 2013. Gadis mati ditikam kekasih. *Utusan Malaysia*. 3 Disember. Hlm. 19.
- Hentikan! Keganasan Terhadap Wanita. 2015. Putrajaya: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.
- Anon. Tingkat kesedaran wanita terhadap keganasan. <http://htapah.moh.gov.my/v1/index.php/my/26-kategori-artikel-kesihatan/112-tingkat-kesedaran-keganasan-terhadap-wanita>. Hospital Tapah, Perak Darul Ridzuan. 2016.
- Lian, Tam Cai. 2006. Rogol wanita terus dizalimi. *Dewan Masyarakat*, November: 30-31.
- Maizatul Akmam Abu Bakar, Hazalina Mohd Haniff, Latiffenossadat Madanian, Faizah Abd Ghani. 2008. Keganasan rumah tangga: corak, punca dan kaedah penyelesaian. Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga 2008. Anjuran Universiti Teknologi Malaysia.
- Muzaffar Syah Mallow. 2016. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 turut lindungi suami. *Berita Harian*, 7 Januari 2016.
- Noor Aziah Mohd Awal. 2001. Hak wanita di sisi undang-undang di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Wanita dan Undang-Undang. Anjuran Biro Tabung Kebajikan dan Pelajaran SUKMANITA, 11 Ogos.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. 2013. Kes pegawai bank mati ditembak kasih hampai hujung nyawa. *Berita Harian*. 25 Oktober. Hlm. 26
- Nor Shafrin Ahmad. 2006. Kesan penderaan seksual dan gaya daya tindak mangsa penderaan. Kertas Kerja Bengkel Kaunseling Peringkat Kebangsaan ke 23. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 9 dan 10 Mei.
- Nur Ezzati Amani Amirul. 2013. Tangani keganasan wanita secara bersepadu, *Utusan Online*, 14 Mac.
- Sabitha Marican. 2005. *Membentuk Suasana Kerja Positif: Aspek Hubungan Manusia dan Persekitaran Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Shamsiah Mahli. 2006. Keganasan terhadap wanita: impak kepada tugas-tugas perkembangan wanita. <http://shamsiahaunteam.blogspot.com/2006/09/keganasan-terhadap-wanita-impak-kepada.html> [26 Mei 2013].
- Siti Aisyah Menan. 2008. Maruah wanita muda tercabar. *Dewan Masyarakat*, Julai: 46-47.
- Tengku Naufal Tengku Mansor. 2012. Keganasan terhadap wanita satu jenayah. Kertas Kerja Sambutan Hari Antarabangsa Menanagani Keganasan Terhadap Wanita



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

2012. Anjuran Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 19
Disember.